

Newspaper	Sinar Harian
Date	15/02/2017



Mahathir ketika hadir ke mahkamah, semalam.

Sinar Harian - 15/2/2017 Pg. 6

Tun Mahathir mengaku cuba jatuhkan Najib 6

KUALALUMPUR - Presiden Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui, beliau telah berusaha untuk menurunkan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia sejak tiga tahun lalu.

Menjawab soalan balas peguam Datuk Seri Jahabardean Mohamed Yunoos yang mewakili Datuk Seri Tengku Sarifuddin Tengku Ahmad dalam perbicaraan kes saman yang dikemukakan anaknya, Datuk Seri Mukhriz di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam, Mahathir berkata, beliau sememangnya telah memulakan gerakan menjatuhkan Najib sejak 2014.

Ketika ditanya adakah

beliau tidak risau tindakan yang dilakukan itu akan merosakkan parti Umno, sedangkan beliau pernah menjadi presiden Umno sejak 22 tahun lalu, Mahathir berkata, bukan merosakkan Umno, sebaliknya Najib.

"Tak, bukan rosakkan Umno. Rosakkan Najib. Kerana presiden Umno sekarang dituduh mencuri, kleptokrasi dan merosakkan Malaysia.

"Sebab itu nama baik Malaysia rosak sekarang, bukan dahulu," katanya.

Selanjutnya, Mahathir tidak bersetuju dengan cadangan Jahabardean parti yang dipengerusikannya kini berlawan dengan parti Umno.

Sebaliknya, Mahathir

membalas, Umno hari ini bukan parti Umno, sebaliknya parti Najib.

Mahathir dipanggil sebagai saksi kedua dalam perbicaraan kes saman Mukhriz terhadap Tengku Sarifuddin berhubung empat kenyataan berbaur fitnah terhadap pada 15, 20, 23 dan 26 April.

Bagaimanapun dua daripada empat kenyataan akhbar beliau yang terkandung dalam saman bekas Menteri Besar Kedah itu telah digugurkan sebelum prosiding perbicaraan itu bermula.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim akan disambung pada 19 dan 20 Oktober depan.